

<b>Headline</b>	<b>Wira FRIM yang didendang</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	24 Nov 2014	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	178,211
<b>Page No</b>	8,9	<b>Readership</b>	534,633
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	1371 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPAJUNUS</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 27,097</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 81,291</b>



# Wira FRIM yang didendang

Khairuddin bangga hasilkan buku mengenai perhutanan

Oleh LAUPA JUNUS  
laupa.junus@utusan.com.my



**K**EKECEWAAN barangkali membelenggu beliau sebagai penyelidik yang telah lama berkecimpung dalam bidang perhutanan.

Masakan tidak, apabila hutan menjadi semakin menyusut, ramai pula tidak menyangi khazanah alam yang sangat penting ini.

Namun bagi Khairuddin Kamarudin, pembabitannya dalam penyelidikan hutan, menjadikan dirinya itu sebagai satu lagi khazanah negara kerana tidak ramai yang mempunyai kebakaran seperti beliau.

Khairuddin, 58, kini merupakan penolong pegawai penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Beliau menerima Anugerah Buku Terbaik bagi Kategori Sains, Teknologi dan Perubatan pada Majlis Penyampaian Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia-Kementerian Pendidikan Malaysia 2013 (MAPIM-KPM 2013), Mei lalu.

Pencapaian beliau itu sebenarnya bukan boleh dikehafal dalam sekilip mata, sebaliknya melalui satu rentetan pengalaman dan cabaran.

Namun di sebalik minat dan kesungguhan yang melihat hutan daripada perspektif yang lebih signifikan, beliau menghargui segalanya tanpa keluh kesah.

Kepakaran yang dimiliki selama tiga dekad dituang dalam satu acuan yang terpasteri dalam dokumen berbentuk buku untuk diwarisi sebagai khazanah yang sangat bernilai bagi rujukan generasi akan datang.

Bagaikan sebuah ensiklopedia bergerak, Khairuddin melihat hutan bukan sekadar pokok, sebaliknya bagaikan jantung alam yang berfungsi sebagai peranti pernafasan semula jadi.

Peluang bertemu dengan beliau baru-baru ini bagi berkongsi pengalaman penyelidikan mengenai hutan amat berharga kerana seperti yang

**KHAIRUDDIN** bangga menunjukkan sebahagian buku karya beliau.

dinyatakan, beliau sebenarnya ibarat wira yang tidak didendang.

“Saya mula bertugas di FRIM pada 1979 sebagai pembantu penyelidik. Waktu itu saya masuk dengan kelulusan MCE (Malaysia Certificate Education) dan mula di Unit Kejuruteraan Kayu.

“Selepas itu saya minta ditukarkan ke Unit Herbarium bagi mendapat pendekahan yang lebih kepada alam sekitar. Ketika di unit inilah saya menyabung pengajian ke Royal Botany Kew Garden di London pada 1991 dan memperoleh diploma,” katanya.

Pada 1998 beliau bertukar ke Taman Botani FRIM sehingga sekarang.

Peralihan beliau dari satu unit kepada satu unit banyak memberi ruang menimba pengetahuan dan mempelajari sesuatu yang baharu. Proses tersebut adalah pengayaan ilmu bagi dirinya dalam bidang penyelidikan hutan.

Oleh itu, adalah wajar baginya berkongsi kepada orang ramai khususnya generasi muda supaya mengetahui dan seterusnya menghargai alam khususnya hutan.

“Kalau kita hendak tahu mengenai hutan, kita kenalah masuk hutan. Sebagai contoh bagi mengetahui

kepentingan hutan paya bakau yang merupakan satu benteng hakisan pantai kita kenalah masuk hutan,” ujarnya.

Kata beliau, hutan adalah satu kehidupan, sebagai kawasan tадahan,

**KHAIRUDDIN KAMARUDDIN** membuat catatan berhampiran pokok meranti tembaga di kawasan FRIM. Kepong.



<b>Headline</b>	<b>Wira FRIM yang didendang</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>24 Nov 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>178,211</b>
<b>Page No</b>	<b>8,9</b>	<b>Readership</b>	<b>534,633</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1371 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPAJUNUS</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 27,097</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 81,291</b>

sumber fitokimia dan memelihara alam sekitar.

"Mereka yang berfikiran cetek akan marah bila pokok hutan ditebang kerana kata mereka merosakkan alam sekitar.

"Sebenarnya kita ada sistem bagaimana mengurus hutan seperti hutan tanah pamah kita gunakan MUS dan bila menebang pokok gunakan sistem pengurusan selektif (SMS)," katanya.

Oleh sebab itu, masyarakat perlu diberi penerangan dan penjelasan mengenai ilmu pengurusan hutan dan kepentingan hutan sebagai khazanah.

Satu daripada cara beliau berkongsi ilmu tersebut ialah dengan menerbitkan buku dan makalah serta laporan supaya dapat berkongsi dengan masyarakat.

Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawabnya melaksanakan usaha-usaha tersebut supaya dapat dimanfaatkan oleh generasi kemudian.

Apakah lagi beliau menguasai kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris yang memberi kelebihan kepadaannya untuk menyampaikan ilmu tersebut dalam bentuk buku atau dokumentasi lain.

"Kita banyak buku rujukan perhutanan dalam bahasa Inggeris dan tidak ada siapa (penulis) tempatan yang menulis dalam bahasa Melayu," katanya yang memberitahu sejak 1992, sebanyak sembilan penerbitan berjaya dihasilkan oleh beliau dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi kekecewaan sebagai penulis buku mengenai perhutanan kerana setakat ini, belum ada tanda-tanda pelapis yang boleh mengantikannya.

Meskipun beliau berharap untuk bersara, ketidiana pelapis sebagai penulis buku perhutanan merencan dan menimbulkan kekecewaannya sejak dahulu.

Mengenai sumber inspirasi sebelum



**PENGALAMAN** bekerja ketika usia muda.



mula penulis buku, Khairuddin berkata, sebagai pengkaji perhutanan, menikmati keindahan alam dan mengagumi ciptaan Tuhan mencetuskan ilham untuk menulis.

Mengenai faktor beliau mula-mula berjalin dengan penulisan, Khairuddin berkata, satu ketika salah seorang anaknya menyertai pertandingan penulis dan memperoleh tempat pertama. Hadiah pertandingan tersebut ialah langganan setahun sebuah majalah *Kuntum* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Beliau mendapat majalah tersebut boleh dijadikan medium menyebarkan buah fikirannya dan mula menghantar artikel mengenai pokok-pokok hutan yang kemudiannya disiarkan.

Khairuddin yang mesra disapa Tok Din beranggapan menulis ada

satu anugerah meskipun ada usaha atau menggilap bakat, tetapi seni kemahiran seni penulisan tidak semua memilikinya.

"Berapa orang macam P. Ramlee? soalnya memberi contoh bahawa penulis juga satu bakat seni tidak semua mampu memilikinya."

Berkongsi lebih lanjut beliau berkata, sebelum memulakan satu-satu penulisan, beliau mencatat terlebih dahulu maklumat atau fakta yang hendak dimasukkan dalam penulisan.

Tempoh sesuatu penulisan itu siap bergantung kepada bahan yang ada dan panjang manuskrip.

"Satu lagi perkara penting, ialah kemahiran melukis juga membantu dan bagaimana kita menyimpan dokumen atau bahan yang hendak dituliskan," katanya sambil memberitahu, Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said adalah idolanya.

Kemenangan beliau pada Majlis MAPIM-KPM 2013 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) Mei lalu membolehkan Khairuddin menerima trofi dan wang RM15,000 yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan.

Beliau menghasilkan buku berjudul: *Hutan Hujan Tropika Semenanjung Malaysia* terbitan DBP pada 2013.

Majlis tersebut diadakan bagi memberi penghargaan kepada penulis yang telah memberi sumbangan dalam menyebarkan dan berkongsi ilmu melalui penerbitan buku.

Buku tersebut menceritakan tentang betapa pentingnya hutan dalam kehidupan kita serta mengenai pemeliharaan hutan yang berkesan dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan manusia.

Panel berpendapat bahawa buku tersebut sesuai dijadikan rujukan di peringkat universiti, sekolah dan awam kerana data yang lebih mantap dan dibantu dengan ilustrasi menarik.

Tambahan pula, buku tersebut mengandungi pelbagai fakta berkaitan dengan hutan hujan tropika dan memaparkan maklumat terkini mengenai hutan jenis itu di Semenanjung Malaysia yang tidak pernah diterbitkan sebelum ini.



**KHAIRUDDIN** Kamaruddin menerima anugerah MAPIM-KPM di ibu negara pada Mei lalu.

<b>Headline</b>	<b>Wira FRIM yang didendang</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>24 Nov 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>178,211</b>
<b>Page No</b>	<b>8,9</b>	<b>Readership</b>	<b>534,633</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1371 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPAJUNUS</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 27,097</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 81,291</b>

**Fakta**

- Memperoleh diploma dalam bidang Taksonomi dari Royal Botanic Garden, Kew, London pada 1991.
- Mula berkhidmat di Unit Kejuruteraan Kayu, Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) pada 1979.
- Kini bertugas di Cawangan Taman Botani Kepong FRIM.
- Berpengalaman dalam penulisan buku dan artikel termasuk
  - *Hutan Hujan Tropika Semenanjung Malaysia* (FRIM, 1993)
  - *Tumbuhan Tempatan Malaysia: Kaitan dengan Nama Tempat* (DBP, 1999);
  - *Mengenal Pokok Tempatan* (DBP, 2005)
- Buluh: Khazanah Hutan Berharga (DBP, 2007).
- Pernah mewakili Malaysia sebagai penulis dan jurugambar untuk Projek Buku Kanak-kanak dan Sumber Bahan Koleksi ASEAN (1997). Buku bertajuk, *Forest - Forest Everywhere* yang terhasil telah diterbitkan oleh ASEAN dengan kerjasama Jabatan Kurikulum dan Pembangunan Antarabangsa, Kementerian Pelajaran Thailand. Beliau juga merupakan penerima anugerah Pingat Pekerti Terpilih (PPT) Negeri Perak pada 2008, dan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kamus Inggeris-Melayu Dewan (DBP) serta penilai Projek Ensiklopedia Dunia (DBP).

**Pengelasan butan**

Hutan boleh dikategorikan mengikut perubahan ciri-ciri altitud, komposisi, flora, habitat, iklim, tanah dan biotik.

**Hutan paya laut**  
Terletak di persisiran laut yang berlumpur pasir laut yang mengalami air pasang dan surut. Spesies utama ialah bakau.

**Hutan paya gambut**  
● Hutan ini terletak di belakang hutan paya laut menghala ke darat dengan tanah gambut dan airnya yang kurang masin. Spesies yang biasa terdapat di kawasan ini ialah meranti.

● Hutan ini terletak pada ketinggian 300 meter dari paras laut yang mempunyai bilangan pokok padat dan pelbagai jenis. Spesies utama ialah meranti, balau dan kapur.

**Hutan dipterokarp bukit**  
Terletak pada ketinggian antara 300 meter dan 700 meter dari paras laut yang merupakan kelas hutan paling luas di Semenanjung Malaysia. Spesies utama ialah seraya, keruing dan meranti.

**Hutan dipterokarp atas**  
Hutan ini terletak pada ketinggian antara 750 meter dan 1,200 meter dari paras laut yang mengandungi terutama spesies meranti bukit dan damar minyak.

**Hutan montana - oak**  
Hutan ini terletak di ketinggian 1,200 dan 1,500 meter dari aras laut yang kebanyakannya spesies bersaiz sederhana seperti mempening, berangan, dammar minyak dan podo.

**Hutan Ericaceous Gunung**  
Hutan ini terletak pada ketinggian melebihi 1,500 meter dari paras laut yang mengandungi spesies pokok bersaiz kecil, bengkok dan rendah seperti kelat, periuk kera dan pelbagai jenis bulukar, buluh, resam, paku pakis dan lumut.